

Masuk UMNO: Ramai lagi ahli PAS berminat

KUALA LUMPUR. Sabtu — Penyokong bekas Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Haji MOhd. Asri Haji Muda, dipercayai sedang memikirkan secara serius untuk menyertai UMNO.

Menurut beberapa penyokong Datuk Asri, ramai lagi penyokong bekas tokoh PAS tersebut se-

dang memikirkan sama ada akan menyertai UMNO atau tidak.

Katanya, mereka yang berminat termasuklah beberapa ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di Kelantan.

Bagaimanapun, keputusan muktamad hanya akan mereka buat selepas berincang dengan Datuk Asri.

Sumber-sumber PAS memberitahu, kira-kira 40 dari 114 kawasan PAS berdiri teguh di belakang Datuk Asri sekarang dan akan bertindak jika diberi isyarat.

Datuk Asri meletakkan jawatan secara mengejut dalam Muktamar PAS, minggu lalu, setelah ucapan dasarnya ditolak oleh Muktamar, kerana menyokong penuh kerajaan atas penubuhan Universiti Islam Antara-

bangsa dan Bank Islam.

Bagaimanapun, dalam kenyataannya, Datuk Asri berkata, perletakan jawatannya disebabkan oleh golongan yang bertopengkan Pimpinan Ulama memfitnahnya, di samping mengakui arus kepemimpinan sekarang di luar kemampuan pimpinannya.

"Terserahlah kepada UMNO," katanya. "Saya tidak fikir UMNO akan memujuk mereka seperti saya sendiri tidak pernah memujuk ahli UMNO menyertai PAS."

Ditanya sama ada beliau akan memberi sumbangan terhadap penubuhan Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam, beliau menjawab ringkas, "Saya akan menyokong apa sahaja rancangan yang baik untuk kepentingan Islam di negara ini."

Sementara itu, Timbangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Anwar Ibrahim, memberitahu, setakat ini pihaknya belum lagi bercadang meminta Datuk Asri memberi sumbangan terhadap dua rojek berkenaan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia